

19 DEC 1998

MAHATHIR-UKS/I

JUMLAH UKS IT MASIH TIDAK MENKAGUMKAN, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 19 Dis (Bernama) -- Jumlah usahawan kecil dan sederhana (UKS) yang terlibat dalam bidang teknologi maklumat (IT) di Malaysia masih tidak mengagumkan berbanding dengan negara lain yang sama saiznya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Taiwan yang sama jumlah penduduknya dengan Malaysia mempunyai sektor UKS IT yang besar dan cergas sementara Ireland yang lebih kecil dari Malaysia mempunyai sektor UKS yang besar yang terlibat dalam IT," katanya dalam ucapannya di upacara penyempurnaan Pusat Koridor Raya Multimedia (MSC) Nippon Telegraph and Telephone Corporation (NTT) di bandar siber ini, hari ini.

Beliau berkata sektor UKS tempatan yang diperlukan harus menjadi kuasa kreatif yang cergas untuk terus menggerakkan inisiatif MSC.

"Ia seolah-olah satu misteri. Kita tidak mempunyai orang yang mencukupi untuk menceburi bidang ini. Apabila mereka sedar potensinya, lebih ramai orang akan datang dan mereka mengeluarkan idea dan produk yang sesuai dengan IT," tambahnya.

Berbanding dengan syarikat asing, katanya, UKS ini tidak mempunyai modal yang cukup tetapi mereka dikurniakan dengan banyak idea.

Berikutan kepada objektif untuk membangunkan satu kumpulan UKS tempatan yang boleh menjadi syarikat bertaraf dunia, Dr Mahathir berkata, kerajaan telah memulakan inisiatif-inisiatif termasuk mengadakan rangkaian inkubator kebangsaan yang diletakkan di universiti-universiti awam.

Ini seterusnya, menyumbang kepada cadangan penubuhan inkubator di MSC yang akan bertindak sebagai inkubator pusat. Rangkaian ini akan membolehkan pembangunan usahawan teknologi.

Tambahan pula, kata Perdana Menteri, kerajaan juga sedang membangunkan satu sistem yang dapat memudahkan aliran modal penerokaan dan memberikan bantuan pengurusan untuk memulakan syarikat di MSC berasaskan kepada model Antarabangsa Swedish I-M.

Sementara itu, Perdana Menteri juga memuji Nippon Telephone & Telegraph kerana sokongannya kepada projek MSC dengan membina pusat penyelidikan dan pembangunan (R&D). Pusat R&D milik NTT ini adalah yang kedua terbesar di luar negara selepas Amerika Syarikat.

Pelaburan NTT yang besar di MSC, katanya, adalah penting kerana saiz dan pengaruh NTT sebagai peserta sejagat dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi.

Beliau berkata walaupun Cyberjaya dijadualkan akan dibuka secara rasmi dengan prasarana lengkap pada akhir Jun 1999, syarikat-syarikat seperti NTT, British Telecoms Multimedia dan British Aerospace telahpun berpindah ke Cyberjaya, iaitu setahun sebelum jadual. -- BERNAMA

SHO JR